

'Biar Mahathir insaf sendirilah'

SINAR HARIAN

4 JANUARI 2018

NURUL KHALEEDA RASHIKIN

MARANG - "Dia sudah tua, biarlah dia insaf sendiri, kata Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang terhadap serangan peribadi Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap dirinya.

Tambahnya lagi, Abdul Hadi melihat tindakan Mahathir itu kelihatan terdesak hingga berbuat demikian.

"Macam orang terdesak yang rapat ke dinding sampai tak nampak diri dah, tak pasal-pasal pecah kepala sendiri.

"Mudah-mudahan dia bertaubatlah, antara saya dengan dia, dah maafkan tapi dengan ALLAH SWT..." katanya ketika ditemui pemberita semasa pelancaran markas besar Pas bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 N20 Pengkalan Berangan di sini, malam tadi.

Sebelum ini, Mahathir melabel Abdul Hadi sebagai kafir dan pengkhianat kerana bekerjasama dengan Umno.

Sementara itu, Abdul Hadi turut memberikan respon mengenai tuduhan Mahathir bahawa amanat beliau adalah punca Tragedi Memali.

"Saya dah tulis buku mengenai perkara itu, dah cetak beberapa kali dah jadi rujuklah buku itu.

"Tuduhan Mahathir memang melampau tapi dia dah tua, biarlah dia fikir sendiri dan nasihat saya padanya, jangan banyak baca buku perubatan sahaja, buku berkaitan Islam pun kena buka juga," katanya lagi.

Terdahulu, Mahathir menyalahkan pengikut guru agama, Ibrahim Mahmud terlalu taasub dengan “Amanat Hadi” sebagai punca 18 orang terbunuh dalam tragedi Memali pada November 1985.

Dalam pada itu, beliau juga sempat mengulas tindakan Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar keluar daripada parti itu, Ahad lalu.

"Dia sudah lama keluar parti, ibarat orang dah lama mati tetapi baru nak tanam," katanya lagi.

© 2017 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2017 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/biar-mahathir-insaf-sendirilah-1.778796>